

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Dato' Shamsul Anuar bin Haji
Nasarah
[Lenggong]**

TARIKH : 10.06.2014 (SELASA)

NO. SOALAN : 141

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**
menyatakan:

- (a) pencapaian NKRA Kementerian sehingga kini; dan
- (b) kedudukan rancangan pembinaan jalan sambungan daripada Kg. Luat Lenggong Ke Intan Suraya Sungai Siput yang tertangguh sehingga kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Jawapan (a)

Status pencapaian Projek-projek NKRA Pembangunan Luar Bandar sehingga **30 April 2014** ialah :

- i. **Program Jalan Luar Bandar (JALB)** : Sepanjang **4,156.01km** jalan telah siap dibina
- ii. **Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB)** : Sebanyak **329,664 buah rumah** telah menerima bekalan air bersih / terawat
- iii. **Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)** : Sebanyak **116,498 buah rumah** telah menerima bekalan elektrik 24 jam.
- iv. **Program Bantuan Rumah (PBR)** : Sebanyak **65,297 buah rumah** telah berjaya dibina baru / dibaik-pulih.
- v. **Program Penyelenggaraan Jalan** :Sepanjang **1,244.26km** jalan telah diselenggara.
- vi. **Program Ladang Buah-Buahan Berskala Besar** :Sebanyak **2 buah ladang** telah diwujudkan.
- vii. **Program Desa Lestari** : Sebanyak 29 Kampung telah dibangunkan.

viii. **Program RBC** : Sebanyak 31 pemenang telah diumumkan.

Jawapan (b)

Kementerian telah memutuskan untuk **menangguhkan pelaksanaan projek ini memandangkan kos pelaksanaan yang tinggi** dan telah menggantikan dengan Projek Jalan Perhubungan Desa yang menghubungkan Kampung Talong Luat ke Kampung Beng – Kampung Batu Reng.